



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PELAKSANAAN PENGAJARAN TILAWAH AL-QURAN BAGI MURID
BERKEPERLUAN KHAS KURANG UPAYA PENDENGARAN DI
SEKOLAH KEBANGSAAN***

IZULI DZULKIFLI

FPP 2020 41



**PELAKSANAAN PENGAJARAN TILAWAH AL-QURAN BAGI MURID
BERKEPERLUAN KHAS KURANG UPAYA PENDENGARAN DI
SEKOLAH KEBANGSAAN**

Oleh

IZULI DZULKIFLI

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk
Ijazah Doktor Falsafah**

Ogos 2020

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**PELAKSANAAN PENGAJARAN TILAWAH AL-QURAN BAGI MURID
BERKEPERLUAN KHAS KURANG UPAYA PENDENGARAN DI
SEKOLAH KEBANGSAAN**

Oleh

IZULI DZULKIFLI

Ogos 2020

Pengerusi: Profesor Madya Asmawati Suhid, PhD
Fakulti: Pengajian Pendidikan

Murid Berkeperluan Khas (MBK) kurang upaya pendengaran adalah murid yang mengalami tahap ketidakupayaan pendengaran yang pelbagai seperti ringan, sederhana dan teruk dan ada sebahagian mereka yang tidak dapat bertutur. MBK kurang upaya pendengaran mempelajari Tilawah al-Quran secara formal bermula di peringkat sekolah rendah melalui program Pendidikan Khas di Malaysia. Oleh kerana MBK kurang upaya pendengaran tidak dapat mendengar dan bertutur dengan baik, pengajaran Tilawah al-Quran kepada MBK kurang upaya pendengaran tidak boleh dipandang ringan agar matlamat pembelajaran al-Quran tercapai. Kajian ini bertujuan meneroka pelaksanaan pengajaran merangkumi aspek perancangan pengajaran, amalan semasa pengajaran dan pengurusan persekitaran pembelajaran oleh guru dalam bidang Tilawah al-Quran kepada MBK kurang upaya pendengaran.

Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes dengan menggunakan teknik temu bual dan analisis dokumen bagi memperoleh data. Seramai lapan orang guru sekolah rendah di Selangor telah dipilih sebagai peserta kajian berdasarkan teknik persampelan bertujuan. Peserta kajian yang dipilih adalah di kalangan guru yang berpengalaman mengajar sekurangnya tiga tahun dalam bidang Tilawah al-Quran kepada MBK kurang upaya pendengaran. Di samping itu, dua orang pegawai dari Bahagian Pendidikan Khas dan seorang pensyarah dari Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas dipilih berdasarkan teknik bola salji bagi menguatkan data kajian. Data temu bual dan analisis dokumen dikumpul serta dianalisis dan diurus menggunakan perisian Nvivo12. Kesahan data dijalankan dengan memeriksa kesan penyelidik, membuat triangulasi, bertaklimat dengan rakan sejawat, pemeriksaan dapatan oleh ahli

jawatankuasa penyeliaan (*peer examination*) serta pemeriksaan dapatan oleh peserta kajian. Kebolehpercayaan data pula diperoleh menerusi teknik triangulasi melalui pelbagai kaedah pengumpulan data, peranan penyelidik (*investigator positions*) dan melalui jejak audit (*audit trail*).

Dapatan kajian menunjukkan peserta kajian telah merancang pengajaran menggunakan dokumen berstruktur, menggunakan sukatan pembelajaran berdasarkan kurikulum Pendidikan Khas serta mengubahsuai sukatan pembelajaran tersebut dan merendahkan aras pembelajaran. Perancangan pengajaran melalui bahan bantu mengajar seperti penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi yang terkini dan melalui aktiviti. Semasa pengajaran pula, beberapa kaedah dan teknik pengajaran telah digunakan oleh peserta kajian untuk mengajar Tilawah al-Quran terutamanya mengeja dan membaca huruf-huruf dan perkataan dalam al-Quran dengan menggunakan kod dan isyarat. Peserta kajian menggunakan pelbagai kaedah bagi menutup pengajaran termasuklah melaksanakan penilaian dan pentaksiran bagi menguji hasil pembelajaran murid yang telah dirancang oleh guru. Komunikasi Seluruh digunakan sebagai kaedah komunikasi yang utama di samping penggunaan bahasa isyarat dan ejaan jari digunakan dalam pengajaran Tilawah al-Quran. Kaedah susun atur murid yang sesuai, galakan motivasi serta penggunaan ruang khas telah diterapkan oleh peserta kajian dalam pengurusan persekitaran pembelajaran agar murid terus berminat untuk mempelajari Tilawah al-Quran.

Dapatan kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan bagi meningkatkan kualiti pengajaran Tilawah al-Quran kepada MBK kurang upaya pendengaran melalui strategi, kaedah dan teknik pengajaran yang terkini. Implikasi kajian mencadangkan agar pengajaran masteri yang menekankan aspek pemulihan dan pengayaan diterapkan dalam pengajaran Tilawah al-Quran kepada MBK kurang upaya pendengaran. Implikasi kajian ini juga mencadangkan pihak yang berkenaan dapat menambah baik program latihan guru dan meningkatkan kompetensi guru yang mengajar MBK kurang upaya pendengaran dalam bidang Tilawah al-Quran di sekolah.

Abstract of Thesis presented to Senate of University Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the Degree of Doctor of Philosophy

IMPLEMENTATION OF TEACHING *TILAWAH AL-QURAN* TO SPECIAL NEEDS STUDENTS WITH HEARING IMPAIRED IN PRIMARY SCHOOLS

By

IZULI DZULKIFLI

Ogos 2020

Chairman: Associate Professor Asmawati Suhid, PhD
Faculty: Educational Studies

Special needs students with hearing impaired experiencing various levels of disability such as mild, severe and profoundly deaf and cannot speak. Special needs students with hearing impaired learn the *Tilawah al-Quran* formally since primary school through Special Education program. Since special needs students with hearing impaired cannot hear and speak well, the teaching of *Tilawah al-Quran* to special needs students with hearing impaired should not be taken lightly so that the objective of learning al-Quran can be achieved. Thus, this study aims to study the teaching practice carried out during the teaching process of *Tilawah al-Quran* to special needs students with hearing impaired.

This study used qualitative case study approach, by applying the interview technique and document analysis in obtaining the required data. The respondents for this research selected based on purposive samplings and by selecting teachers who have at least three years experience in teaching *Tilawah al-Quran*. Beside that two officers from Special Education Section and a lecturer from Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas were selected using snowball methods to strengthen the data. The interviews data and document analysis collected and managed using the Nvivo12 software. Data validity was carried out using the researcher effects, triangulation, briefing with coworkers, studying of the findings by peer examination and reviews from the respondents. The data reliability was obtained by triangulation technique through various method of data collection, investigator positions and audit trail.

The findings of the study shows that the respondents have planned their teaching utilizing the structured documents, using learning syllabus based on the Special Education Curriculum and modifying the learning syllabus and lowering the level of learning. Besides that the participants used teaching planning through teaching aids, activities and category of students. During teaching, several methods and techniques were used by the respondents in teaching *Tilawah al-Quran* using code and sign. The respondents also incorporate several ways of teaching which include evaluation and assessment of the students. The total communication, sign language and finger spellings used by participants as communication methods in teaching *Tilawah al-Quran*. The methods of relevant arrangements of students, motivational encouragements and use of special space were used in managing the learning atmosphere.

It is hoped that the findings of this study can be used as a guide to improve the quality of teaching *Tilawah al-Quran* to special needs students with hearing impaired. The implications of this study suggest that mastery teaching which emphasizes the aspects of rehabilitation and enrichment is applied in the teaching of *Tilawah al-Quran* to special needs students with hearing impaired. The implications of this study also suggest that improvement is made by relevant parties to teacher training program and to increase the competency of the teachers who teach special needs students with hearing impaired in the field of *Tilawah al-Quran* in schools.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur kepada Allah SWT atas kurniaNya dapat saya menyiapkan penulisan tesis ini. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahli Jawatankuasa penyeliaan tesis iaitu Prof. Madya Dr. Asmawati Suhid, Prof. Madya Dr. Nor Aniza Ahmad dan Dr. Fathiyah Mohd Fakhruddin atas segala tunjuk ajar dan bimbingan sepanjang kajian ini dijalankan. Seterusnya ucapan terima kasih kepada ibu dan bapa yang dikasihi atas dorongan dan galakan serta doa. Tidak dilupakan ucapan penghargaan terima kasih kepada isteri tersayang kerana banyak memberi sokongan sepanjang pengajian ini. Terima kasih juga diucapkan kepada kakitangan akademik Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia yang memberi dorongan dalam usaha menyiapkan tesis ini. Akhir sekali setinggi-tinggi penghargaan kepada semua individu atau organisasi yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penulisan tesis ini sehingga selesai. Semoga hasil penulisan tesis ini dapat memberi manfaat kepada sesiapa yang memerlukannya.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah doktor Falsafah. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Asmawati Suhid, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Nor Aniza Ahmad, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Fathiyah Mohd Fakhruddin, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 12 November 2020

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Nama dan No: Izuli Dzulkifli, GS45987

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012/2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan Asmawati Suhid, PhD

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan Nor Aniza Ahmad, PhD

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan Fathiyah Mohd Fakhruddin, PhD

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
BAB	
1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Penyataan Masalah	3
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Persoalan Kajian	8
1.6 Limitasi dan Skop Kajian	8
1.7 Definisi Konsep dan Operasional	9
1.8 Rumusan	10
2 TINJAUAN LITERATUR	
2.1 Pendahuluan	12
2.2 Murid Berkeperluan Khas (MBK) Kurang Upaya Pendengaran	12
2.2.1 Ciri-Ciri MBK Kurang Upaya Pendengaran	12
2.2.2 Cabaran MBK Kurang Upaya Dalam Pembelajaran	15
2.2.3 Cabaran Komunikasi MBK Kurang Upaya Pendengaran	17
2.3 Pendidikan Bagi Orang Kurang Upaya (OKU) dan Murid Berkeperluan Khas (MBK)	19
2.3.1 Pendidikan Khas Bagi OKU dan MBK	19
2.3.2 Pendidikan Islam Bagi Bagi Orang Kurang Upaya (OKU) dan Murid Berkeperluan Khas (MBK)	26
2.4 Pembelajaran al-Quran Bagi MBK Kurang Upaya Pendengaran di Malaysia	23
2.4.1 Sejarah Pengajaran al-Quran di Malaysia	24
2.4.2 Kepentingan dan Matlamat Pembelajaran al-Quran	25

2.4.3	Kurikulum Tilawah al-Quran Bagi MBK Kurang Upaya Pendengaran	26
2.5	Kaedah dan Pendekatan Pengajaran MBK Kurang Upaya Pendengaran	28
2.5.1	Kaedah Komunikasi bagi MBK Kurang Upaya Pendengaran	28
2.5.2	Pendekatan Pembelajaran Visual	32
2.5.3	Pendekatan Pembelajaran Audio	33
2.5.4	Pendekatan Pembelajaran Kinestetik	33
2.6	Model dan Teori Pengajaran	34
2.6.1	Model Carroll	34
2.6.2	Model Slavin	34
2.6.3	Model Lucas dan Bernstein	35
2.6.4	Model Danielson	35
2.6.5	Model Ibn Khaldun	36
2.6.6	Teori Pembelajaran Kognitif	38
2.7	Kerangka Teoritikal Kajian	38
2.8	Kerangka Konseptual Kajian	40
2.9	Rumusan	56
3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pendahuluan	57
3.2	Rekabentuk Kajian	57
3.3	Prosedur Kajian	58
3.4	Tempat Kajian	58
3.5	Peserta Kajian	60
3.6	Tempoh Masa Pengumpulan Data	62
3.7	Kaedah Pengumpulan Data	63
3.7.1	Protokol Temu Bual	64
3.7.2	Temu Bual	64
3.7.3	Analisis Dokumen	66
3.8	Tatacara Penganalisan Data	67
3.9	Kesahan dan Kebolehpercayaan	69
3.9.1	Kesahan	70
3.9.2	Kebolehpercayaan	73
3.10	Rumusan	74
4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pendahuluan	75
4.2	Latar Belakang Peserta Kajian	75
4.2.1	Latar Belakang Peserta Kajian (Guru)	75
4.2.2	Latar Belakang Peserta Kajian (Pegawai dan Pensyarah)	78

4.3	Dapatan Kajian	80
4.3.1	Objektif 1: Meneroka Perancangan Pengajaran Guru Dalam Tilawah Al-Quran Bagi MBK Kurang Upaya Pendengaran	80
4.3.2	Objektif 2: Meneroka Amalan Pengajaran Guru Dalam Pengajaran Tilawah al-Quran Terhadap MBK Kurang Upaya Pendengaran	105
4.3.3	Objektif 3: Meneroka Pengurusan Persekitaran Pembelajaran Guru Dalam Pengajaran Tilawah al-Quran Terhadap MBK Kurang Upaya Pendengaran.	129
4.4	Rumusan	146
5	RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	
5.1	Pendahuluan	148
5.2	Rumusan Kajian	148
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	148
5.4	Implikasi Kajian	162
5.5	Cadangan	172
5.6	Kesimpulan	174
	RUJUKAN	175
	LAMPIRAN	199
	BIODATA PELAJAR	211
	SENARAI PENERBITAN	212

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
3.1	Bilangan Kelas MBK di SKPK Peringkat Rendah di Malaysia	59
3.2	Bilangan Kelas MBK di PPKI Peringkat Rendah di Malaysia	60
4.1	Latar Belakang Peserta Kajian (Guru)	75
4.2	Latar Belakang Peserta Kajian(Pegawai dan Pensyarah)	79
4.3	Tema dan Sub Tema Perancangan Pengajaran Guru	80
4.4	Tema dan Sub Tema Amalan Guru Semasa Pengajaran	106
4.5	Tema dan Sub Tema Pengurusan Persekitaran Pembelajaran	129

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
2.1	Kerangka Teoritikal Pengajaran MBK Kurang Upaya Pendengaran	39
2.2	Kerangka Konseptual Pelaksanaan Pengajaran Tilawah al-Quran Bagi MBK Kurang Upaya Pendengaran	41
2.3	Ciri-ciri Guru Abad Ke-21 Kementerian Pendidikan Malaysia	52
2.4	Peranan Guru Dalam Standard Pembelajaran dan Pemudahcaraan	54
4.1	Rumusan Perancangan Pengajaran Guru	105
4.2	Rumusan Amalan Pengajaran Guru	129
4.3	Rumusan Pengurusan Persekitaran Pembelajaran Guru	146
5.1	Model Pengajaran al-Quran MBK Kurang Upaya Pendengaran	168
5.2	Model Kompetensi Guru Tilawah al-Quran Bagi MBK Kurang Upaya Pendengaran	172

SENARAI SINGKATAN

ABM	Alat Bantu Mengajar
AS	<i>Alaihis Salam</i>
BBM	Bahan Bantu Mengajar
BIM	Bahasa Isyarat Malaysia
BMKT	Bahasa Melayu Kod Tangan
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
KAFA	Kelas Asas Fardu Ain
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KTBM	Kod Tangan Bahasa Melayu
MBK	Murid Berkeperluan Khas
NGO	Non Government Organization
OKU	Orang Kurang Upaya
PK	Pendidikan Khas
PMR	Peperiksaan Menengah Rendah
PPKI	Program Pendidikan Khas Integrasi
PPI	Program Pendidikan Inklusif
RPH	Rancangan Pengajaran Harian
RPI	Rancangan Pengajaran Individu
RPT	Rancangan Pengajaran Tahunan
SAW	<i>Sallallahu Alaihi Wasallam</i>
SPK	Sekolah Pendidikan Khas
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

al-Quran merupakan panduan kehidupan bagi setiap Muslim. Setiap individu Muslim dituntut untuk mempelajari dan membaca al-Quran. Tuntutan ini tidak terlepas termasuk kepada Murid Berkeperluan Khas yang mengalami ketidakupayaan pendengaran atau lebih dikenali sebagai Murid Berkeperluan Khas (MBK) kurang upaya pendengaran. Namun begitu, golongan MBK kurang upaya pendengaran dan masalah pendengaran mengalami kesukaran dalam pembelajaran kerana masalah penerimaan bunyi yang merupakan salah satu deria dalam penerimaan maklumat. Di Malaysia, pihak kerajaan telah menyediakan kemudahan pendidikan bagi murid yang mengalami ketidakupayaan pendengaran untuk mempelajari al-Quran terutamanya di peringkat sekolah rendah melalui Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas dan di sekolah yang menawarkan Program Pendidikan Khas Percantuman (Program Pendidikan Khas Integrasi) melalui mata pelajaran Pendidikan Islam. Dalam sistem pendidikan di Malaysia, mata pelajaran Pendidikan Islam diwajibkan kepada murid yang beragama Islam. Akta Pendidikan 1996 (akta 550) seksyen 50, telah menetapkan bahawa jika sesebuah institusi pendidikan terdapat lima atau lebih yang menganut agama Islam, maka murid-murid itu hendaklah diberikan pengajaran agama Islam oleh guru yang diluluskan oleh Pihak berkuasa Negeri (Maklumat Pendidikan Khas, 2007). Berdasarkan akta tersebut, MBK kurang upaya pendengaran juga tidak terkecuali daripada mempelajari bidang Tilawah al-Quran melalui salah satu komponen mata pelajaran Pendidikan Islam.

1.2 Latar Belakang Kajian

Mata pelajaran Pendidikan Islam yang dipelajari oleh murid yang beragama Islam di sekolah mempunyai enam bidang utama iaitu Tilawah al-Quran, Akidah, Ibadah, Sirah, Adab dan Jawi. Bagi komponen Tilawah al-Quran terdapat kumpulan kecil iaitu bahagian bacaan, kefahaman dan hafazan (Maklumat Pendidikan Khas, 2007). Pendidikan Islam yang merangkumi komponen asas Tilawah al-Quran memainkan peranan penting untuk menanam nilai-nilai dan sikap hidup yang baik serta membentuk kelakuan yang bersopan santun dan hormat menghormati di antara satu dengan lain (Dasar Pendidikan kebangsaan, 2012). Matlamat tersebut tidak akan tercapai sekiranya kaedah pengajaran dan pembelajaran al-Quran yang disalurkan kepada MBK kurang upaya pendengaran tidak sesuai dan berkesan kerana kesukaran yang mereka alami.

Pengajaran dan pembelajaran Tilawah al-Quran bagi Murid Berkeperluan Khas di Malaysia adalah berdasarkan kurikulum Pendidikan Khas yang digubal bersesuaian dengan keupayaan murid. MBK kurang upaya penglihatan menggunakan kaedah kod Braille untuk mempelajari al-Quran (Noor, 2016), manakala MBK kurang upaya pendengaran pula menggunakan bahasa isyarat atau kod tangan untuk mempelajari Tilawah al-Quran (Saari, Umat & Mat Teh, 2012). Pembelajaran bidang Tilawah al-Quran bagi murid di sekolah menekankan beberapa aspek kemahiran seperti membaca, memahami, menghafaz al-Quran dan mengeluarkan hukum tajwid. Di samping itu juga, murid diajar berkenaan dengan maksud ayat, memahami dan mengambil pengajaran dari sesuatu ayat yang dipelajari (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002).

Namun MBK kurang upaya pendengaran menghadapi kesukaran untuk belajar membaca, memahami dan menghafaz al-Quran kerana kehilangan deria pendengaran yang merupakan salah satu daripada deria terpenting dalam penerimaan maklumat. Tahap kehilangan deria pendengaran MBK kurang upaya pendengaran juga adalah pelbagai. Menurut Asiah (2012) tahap kehilangan pendengaran adalah pelbagai seperti ringan iaitu masih ada sedikit pendengaran, tahap sederhana pula boleh mendengar dalam jarak 1 hingga 1.5 meter. Bagi tahap sederhana teruk pula seseorang itu memerlukan suara yang dikuatkan dalam perbualan, manakala tahap teruk pula iaitu dapat mendengar bunyi yang kuat sahaja.

Keupayaan yang dihadapi oleh MBK kurang upaya pendengaran untuk menerima bunyi dan menyebut bacaan al-Quran adalah terhad dan sangat sukar akibat daripada masalah pendengaran yang mereka alami. Ini kerana pengajaran dan pembelajaran bidang Tilawah al-Quran mempunyai ciri-ciri tersendiri berbanding bidang-bidang lain dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Pengajaran Tilawah al-Quran melibatkan kemahiran lisan, kelancaran bacaan, kemahiran *fasahah*, tilawah bertajwid dan bacaan secara *tadwir* dan *tartil* (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2004). Kesemua kemahiran tersebut memerlukan keupayaan pendengaran yang baik dan jelas dari murid. Di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, bidang Tilawah al-Quran merupakan salah satu topik yang sukar bagi murid yang mengalami masalah pendengaran (Hamdi, 2011). Dalam bidang Tilawah al-Quran memerlukan murid menyebut dan membaca al-Quran, sedangkan inilah masalah mereka yang paling utama. Guru yang mengajar MBK kurang upaya pendengaran menggunakan Bahasa Isyarat dan beberapa kaedah lain seperti penggunaan bahan visual untuk mengajar murid (Ntinda, Thwala, & Tfus, 2019).

Persoalan mengenai kelayakan mengajar juga adalah penting dan menjadi tumpuan khusus dalam pengajaran (Tamuri, Ismail, & Jasmi, 2012). Dalam hal ini, timbul isu bagaimanakah guru Pendidikan Islam yang bukan dilatih dalam Pendidikan Khas dapat menguruskan sesi pengajaran dan pembelajaran Tilawah al-Quran tanpa penguasaan dalam bidang tersebut? Kajian Huzairi (2017) ke atas empat (4) orang Guru Pendidikan Islam di sebuah sekolah menengah pendidikan

khass masalah pendengaran mendapati dua (2) orang adalah daripada opsyen pendidikan khas, manakala dua (2) orang adalah daripada opsyen Pendidikan Islam.

Tugas mengajar Pendidikan Islam tidak boleh diambil mudah dan dipandang ringan. Guru Pendidikan Islam bukan sekadar memiliki latar belakang iktissas, kemahiran kandungan pembelajaran dan menguasai kemahiran pedagogi, bahkan juga perlu memiliki keperibadian yang baik (Murihah, Abdul Hafiz, Aminudin, & Mohd Faez, 2018). Oleh itu, tidak semua guru dari opsyen Pendidikan Islam dikira layak mengajar MBK di Pendidikan Khas, dan tidak semua guru dari opsyen Pendidikan Khas dikira layak mengajar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Perkara ini menimbulkan sedikit kekurangan dalam profesionalisme sebagai seorang guru yang mengajar MBK, iaitu guru Pendidikan Islam hanya menguasai kemahiran kandungan pembelajaran tetapi tidak menguasai kemahiran pedagogi.

1.3 Penyataan Masalah

Perkembangan kurikulum pendidikan sekolah rendah di Malaysia telah berkembang seperti daripada Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) kepada Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Manakala kurikulum bagi murid berkeperluan khas juga turut mengalami perubahan dan ditambahbaik dengan penggumbalan Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSR PK) pada tahun 2011 berdasarkan penempatan murid di sekolah khas, atau sekolah yang menawarkan program integrasi dan inklusif. Seajar dengan perkembangan tersebut, seharusnya pelaksanaan pengajaran guru kepada murid berkeperluan khas juga bertambah baik dan semakin berkualiti.

Sehubungan dengan perkembangan tersebut, guru juga perlu mempunyai meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran pengajaran terutamanya pengetahuan pedagogi isi kandungan dan pedagogi umum bagi melaksanakan pengajaran (Ahmad Yunus, & Ab. Halim, 2010). Hal ini bagi memastikan pengajaran dapat disampaikan dengan berkesan terhadap murid terutamanya murid berkeperluan khas. Bagi menghasilkan pengajaran berkesan, aspek yang perlu ada pada seseorang guru ialah aspek psikologi dan profesional. Aspek psikologi biasanya dikaitkan dengan kemahiran guru memotivasikan murid untuk terus berminat untuk belajar. Aspek profesional pula biasanya dikaitkan dengan kemahiran mengajar yang ada pada seseorang guru (Noriati, Ying & Wah, 2010). Pengajaran berkesan juga amat berkait rapat dengan kemahiran guru mengajar dengan mengaplikasikan pelbagai kaedah pengajaran yang memudahkan pemahaman murid dan menanam minat untuk belajar di kalangan murid. Pengajaran berkesan juga adalah dengan melibatkan murid secara aktif dalam pembelajaran dengan melakukan aktiviti, berbincang, mengemukakan soalan dan memberi pendapat yang menunjukkan murid bukan belajar secara pasif.

Konsep pengajaran berpusatkan murid juga dikenali sebagai pembelajaran berfokuskan murid, di mana guru bertindak sebagai fasilitator untuk membantu murid bagi membentuk pengetahuan mereka. Murid akan bertindak aktif sewaktu proses pembelajaran berlangsung (Mek Nah Bakar, 2016). Gaya pembelajaran mereka perlulah pelbagai dan menarik, agar mereka sentiasa bermotivasi untuk meneruskan pembelajaran dalam kelas. Di samping itu juga, guru juga perlu mewujudkan suasana pembelajaran dalam bilik darjah yang menarik dan kondusif. Komunikasi dan interaksi terhadap murid juga perlu dititiberatkan supaya murid dapat memberi dan menerima maklum balas tentang isi kandungan pembelajaran (Mohd Yasin, Toran, Tahar, Bari, Ibrahim & Zaharudin, 2013).

Semasa proses pengajaran dan pembelajaran, penglibatan murid haruslah secara aktif dan menyeluruh melalui pelbagai bentuk aktiviti. Murid hendaklah dibimbing dan diberikan peluang dan kesempatan menggunakan dan mengembangkan potensi mereka secara maksimum untuk memperoleh pengetahuan dan kemahiran. Pengalaman baru yang berguna haruslah diperoleh melalui interaksi yang positif dengan guru, rakan sebaya dan bahan pembelajaran. Guru seharusnya memilih dan mengadakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan murid manakala guru bertindak atau berfungsi sebagai fasilitator dan pemudah cara (Lucas & Bernstein, 2015).

Sesuatu kaedah pengajaran yang digunakan bukan hanya sekadar mampu memberi pengetahuan, kemahiran manipulative serta menerapkan nilai-nilai sosial yang baik tetapi juga berupaya memupuk dan mengembangkan kemahiran berfikir dan kreativiti di kalangan murid (Fraillon, Ainley, Schulz, Friedman, & Gebhardt, 2014). Tidak dinafikan, kaedah pengajaran yang berpusatkan guru juga mampu menyampaikan pengetahuan yang berguna kepada murid. Dalam hal ini, amat wajar bagi setiap guru menggunakan bahan atau alat bantu mengajar untuk menarik minat MBK kurang upaya pendengaran mempelajari Tilawah al-Quran. Guru boleh memilih kaedah yang boleh membangkitkan atau merangsang minat murid supaya suka kepada pelajaran serta ingatannya kepada perkara yang dibincangkan itu boleh bertahan lama (Gremmen, Van den Berg, Segers, & Cillessen, 2016).

Penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) atau alat bantu mengajar (ABM) tidak boleh dipinggirkan dalam pelaksanaan pengajaran (Azmi, Ilias, Tamuri, & Hamzah, 2011). Alat bantu mengajar yang paling sinonim di abad ke-21 adalah melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK). Penggunaan TMK dapat meningkatkan minat murid terutamanya MBK kurang upaya pendengaran untuk belajar dalam bilik darjah atau luar bilik darjah. Penggunaan TMK melalui komputer, video, gambar dan *slide* adalah amat sinonim dengan gaya pembelajaran MBK kurang upaya pendengaran iaitu dengan menggunakan pendekatan visual kerana mereka tidak mampu mendengar dengan baik (Azzamilli & Bazazoo, 2013).

Berdasarkan pendapat dan pandangan di atas, penggunaan bahan bantu mengajar yang menarik perlu diberi perhatian oleh para guru terutamanya untuk pengajaran Tilawah al-Quran. Guru Pendidikan Islam di murid berkeperluan khas di pendidikan khas harus bijak dan pandai memilih bahan-bahan yang sesuai dengan keadaan, masa, tempat, tahap kemampuan murid terutamanya murid yang mengalami masalah pendengaran.

Dalam konteks profesionalisme perguruan, antara kemahiran yang harus dimiliki oleh guru adalah kemahiran dalam ilmu pedagogi seperti berkebolehan menyusun rancangan mengajar, memahami objektif pengajaran dan mengetahui teknik-teknik pengajaran yang baru (Jamila, 2012). Guru juga perlu sentiasa berusaha mempertingkatkan pengetahuannya sama ada dalam bidang yang diajarnya ataupun cara dia mengajar ilmu tersebut. Guru harus mempunyai kelayakan dan bakat atau seni mengajar dan mengubah suai model pengajaran mengikut kebolehan murid. Ini kerana MBK kurang upaya pendengaran mengikut kurikulum Pendidikan Khas yang berbeza dengan aliran perdana. Tambahan pula MBK kurang upaya pendengaran mempunyai latar belakang dan ciri-ciri berbeza antara satu sama lain terutamanya pada tahap pendengaran. Guru yang mengajar al-Quran bukan sekadar memiliki kelayakan akademik, bahkan juga mempunyai keperibadian yang baik. Dalam erti kata lain, keberkesanan sebarang pendekatan dalam pengajaran al-Quran terikat dengan kebolehan, kemahiran, serta keperibadian guru al-Quran (Murihah, Hafiz, Aminudin, & Faez, 2018).

Oleh yang demikian, peranan guru bagi menghasilkan pengajaran yang berkesan bagi MBK kurang upaya pendengaran untuk mempelajari Tilawah al-Quran adalah amat penting. Ini kerana pengajaran yang berkesan dapat meningkatkan pencapaian murid, kesan psikologi, kesan sosial dan motivasi pelajar dalam pembelajaran Tilawah al-Quran. Justeru, guru bukan sahaja perlu menguasai isi kandungan pelajaran, bahkan guru juga perlu mahir tentang cara yang sesuai untuk menyampaikan isi kandungan pelajaran tersebut (Mohd Syaubari Othman & Ahmad Yunus Kassim, 2017). Hal ini kerana murid berkeperluan khas memerlukan strategi, kaedah, pendekatan dan teknik pengajaran yang sesuai mengikut kategori kurang upaya yang dialami.

Aspek perancangan atau strategi merupakan salah satu aspek terpenting dalam pengajaran dan pembelajaran. Setiap guru perlu memastikan setiap kandungan pengajaran dan masalah yang timbul semasa proses pengajaran dan pembelajaran diselesaikan terlebih dahulu sebelum berpindah kepada topik yang lain (Hannah, Rosadah & Manisah, 2019). Sebelum memulakan pengajaran adalah perlu bagi seseorang guru untuk memikirkan objektif pengajaran dan pembelajaran yang ingin dicapai (Norshafinaz & Faridah, 2018). Setelah menentukan objektif, baharulah guru menentukan apakah kaedah yang paling sesuai untuk mencapai objektif tersebut. Penyediaan objektif semestilah berdasarkan isi atau kandungan mata pelajaran yang terkandung dalam sukatan pelajaran mata pelajaran tersebut (Syarifuddin & Halim, 2016). Jumlah objektif tertakluk kepada kelas yang diajar,

bagi kelas yang agak baik pencapaian muridnya, bilangan objektif pengajaran mungkin lebih daripada kelas yang agak lemah pencapaian muridnya.

Gabungan pelbagai aktiviti pengajaran yang melibatkan strategi, pendekatan, kaedah, teknik dan aktiviti yang tertentu akan membawa kepada pengajaran yang berkesan. Kesesuaian pendekatan pengajaran berkait rapat dengan jenis pelajar dan jenis pengajaran guru (Norshafinaz & Faridah, 2018). Kepelbagaian pendekatan yang digunakan untuk mengajar juga dikenal pasti seperti daripada konkrit kepada abstrak, mudah kepada kompleks, keseluruhan kepada bahagian, umum kepada khusus, spesifik kepada umum, dekat kepada jauh dan diketahui kepada belum diketahui (Ab. Halim, 2006). Jadi, guru al-Quran perlu bijak dalam memilih pendekatan yang sesuai bagi mengajar MBK kurang upaya pendengaran kerana tiada satu pendekatan yang dianggap terbaik untuk satu-satu mata pelajaran atau satu-satu bidang bagi semua murid dalam semua keadaan.

Menyentuh hal yang berkaitan dengan kaedah pengajaran pula, Mohd Yusuf (2000) berpendapat bahawa kaedah adalah siri tindakan yang sistematik bertujuan bagi mencapai objektif pelajaran dengan langkah dan penyampaian yang tersusun. Menurut sebahagian pengkaji, antara kaedah yang digunakan semasa pengajaran Tilawah al-Quran di sekolah adalah menggunakan kaedah *Talaqqi* dan *Musyafahah*. *Talaqqi* dan *Musyafahah* adalah proses pengajaran secara bersemuka dan dilaksanakan secara individu antara guru dengan murid (Mohd Yusuf, 2000). Oleh yang demikian, setiap tindakan dan cara guru memberikan kefahaman demi mencapai objektif pengajaran Tilawah al-Quran dinamakan sebagai kaedah.

Teknik merujuk kepada kemahiran dan perlakuan para guru dalam pengelolaan dan pelaksanaan kaedah mengajar dalam sesuatu aktiviti pengajaran dan pembelajaran (Jasmi, Talip & Ilias, 2012). Teknik juga merujuk kepada unit kecil yang terkandung dalam sesuatu kaedah. Sebagai contoh teknik dalam pengajaran guru seperti tunjuk cara, menghafal, latih tubi, bersoal jawab dan bersyarah. Sekiranya seseorang guru bahasa mengajar bahasa dengan menggunakan alat komunikasi yang canggih dalam makmal bahasa, maka apa yang dilakukannya itu adalah dipanggil sebagai teknik. Maka pengajaran Tilawah al-Quran dengan menggunakan bahan alat atau bantu mengajar sama ada seperti perisian komputer untuk memperdengarkan bacaan juga boleh dipanggil sebagai teknik. Aktiviti pula ialah seperti perbincangan atau perbualan lisan oleh setiap pelajar dalam kumpulan masing-masing dan dicatat hasil perbincangan (Esah Sulaiman, 2004).

Penilaian dan pentaksiran terhadap pencapaian murid dalam pembelajaran juga amat dititikberatkan dalam pelaksanaan pengajaran. Penilai pula terdiri daripada guru atau pendidik yang membantu penggubal polisi untuk mempertingkatkan lagi pendidikan. Misalnya penilaian dilakukan ke atas kurikulum, pengajaran, bahan pengajaran dan juga pencapaian murid untuk mendapatkan data supaya kelemahan yang ada dapat diatasi. Terdapat pelbagai kaedah penyesuaian yang boleh

digunakan dalam membuat penilaian dan pentaksiran terhadap murid pekak (Hauthal, Sandmann, Debener, & Thorne, 2013). Pentaksiran amat penting dalam membantu keberkesanan pengajaran guru dan pembelajaran murid terhadap suatu mata pelajaran tertentu di dalam bilik darjah. Pentaksiran adalah amalan guru dalam usaha memastikan pengajaran yang dilakukan adalah berkesan dengan cara membuat penilaian terhadap amalan pengajaran dan pembelajaran yang mereka praktikkan. Terdapat tiga peringkat pentaksiran iaitu sebelum pengajaran, semasa pengajaran dan selepas pengajaran. Perkara ini amat penting untuk memastikan amalan pengajaran dan pembelajaran adalah berkesan.

Tempat yang mengandungi sebilangan murid di bawah jagaan seorang guru, sekumpulan murid yang sedang menjalankan uji kaji dalam sebuah makmal atau sekumpulan pelajar yang sedang menonton program TV Pendidikan di sekolah boleh digolongkan di bawah konsep bilik darjah (Barbara, 2012). Persekitaran pembelajaran adalah salah satu faktor penting dalam pembelajaran murid kerana keadaan fizikal bilik darjah dapat menggalakkan dan menghalang pengajaran dan pembelajaran. Secara umumnya, persekitaran pembelajaran adalah ruang yang diperuntukkan untuk pembelajaran. Persekitaran pembelajaran yang kondusif akan dapat menggalakkan aktiviti intelektual, menggalakkan persahabatan, kerjasama dan sokongan di samping menggalakkan pembelajaran, pertumbuhan dan perkembangan pelajar (Che Nidzam, Kamisah, & Lilia, 2016). selain itu, persekitaran pembelajaran yang baik dapat meningkatkan kuasa dan sumber pengajaran guru. Oleh itu pengurusan persekitaran pembelajaran dalam bilik darjah memberi pengaruh yang besar kepada pembelajaran murid dan kepuasan guru dalam usaha mencapai objektif pengajarannya.

Terdapat dua konsep persekitaran pembelajaran iaitu persekitaran pembelajaran fizikal fizikal dan sosio-emosi. Pengurusan persekitaran pembelajaran melibatkan penyusunan tempat duduk, penyusunan perabot, alat bantu mengajar seperti papan tulis, papan pameran dan tempat penyimpanan pameran (Aney Marinda Muhammad Amin & Norasmah Othman, 2019). Persekitaran sosio-emosi pula merujuk kepada hubungan antara keperluan emosi individu dengan persekitaran sosialnya seperti komunikasi, suasana selesa dan mesra, bebas daripada ancaman dan bahaya fizikal, suasana yang merangsang pembelajaran, menggalakkan pembelajaran koperatif dan memberi peluang yang sama untuk semua murid.

Di samping merancang dan memilih kaedah terbaik dalam pengajaran, guru perlu menguruskan persekitaran pembelajaran dalam bilik darjah dengan baik dan kondusif. Persekitaran pembelajaran yang kondusif dapat membantu mewujudkan keselesaan pengajaran dan pembelajaran di samping mengekalkan tumpuan dan minat belajar dalam bilik darjah. Dengan membuat modifikasi dan pengubahsuaian tertentu kepada persekitaran bilik darjah, dapat memberi kesan dan rangsangan terhadap pembelajaran MBK kurang upaya pendengaran (Amran, Majid, & Ali, 2019). Oleh itu, guru bukan sahaja mementingkan aspek penyampaian pengajaran semata-mata, bahkan perlu mementingkan

tanggungjawab profesion mereka. Guru perlu sentiasa berusaha meningkatkan kemahiran pengajaran dengan mengikuti kursus dan latihan yang khusus untuk mengajar Tilawah al-Quran kepada MBK kurang upaya pendengaran. Selain itu juga guru perlu mempunyai pengetahuan dalam bidang masalah pendengaran, seperti kemahiran Bahasa Isyarat, penggunaan alat bantu pendengaran dan mempunyai pengetahuan terhadap isi kandungan pelajaran yang akan disampaikan (Toran, Westover, Sazlina, Suziyani, & Mohd Hanafi, 2016). Pengetahuan terhadap aspek psikologi dan ciri-ciri MBK kurang upaya pendengaran perlu diberi perhatian supaya guru dapat mengawal keadaan murid agar dapat memberi perhatian semasa sesi pembelajaran berlangsung.

Oleh yang demikian, dalam memastikan matlamat pengajaran Tilawah al-Quran kepada MBK kurang upaya pendengaran tercapai, empat skop utama iaitu perancangan pengajaran, pelaksanaan pengajaran guru, pengurusan persekitaran pembelajaran dan tanggungjawab profesional guru perlu dititik beratkan. Perancangan dan pengajaran guru yang berkesan dapat dilihat melalui strategi, kaedah, pendekatan, teknik dan aktiviti pengajaran yang sesuai dengan keupayaan murid. Persekitaran pembelajaran yang memerlukan komunikasi yang sesuai, susun atur murid dan rangsangan pembelajaran dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang menggalakkan bagi murid. Kemahiran serta pengetahuan dalam profesion keguruan yang mengajar Tilawah al-Quran bagi MBK kurang upaya pendengaran juga merupakan perkara yang menentukan keberkesanan pengajaran.

Oleh itu, pelaksanaan pengajaran guru yang melibatkan perancangan, pelaksanaan kaedah, pendekatan, teknik pengajaran, penilaian, pengurusan persekitaran pembelajaran serta kemahiran pengajaran guru mempunyai hubung kait yang kuat dalam menyampaikan pengajaran Tilawah al-Quran kepada MBK kurang upaya pendengaran.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini sepertimana berikut:

- 1.4.1 Meneroka perancangan pengajaran guru dalam Tilawah al-Quran bagi MBK kurang upaya pendengaran.
- 1.4.2 Meneroka amalan guru semasa pengajaran Tilawah al-Quran terhadap MBK kurang upaya pendengaran.

- 1.4.3 Meneroka pengurusan persekitaran pembelajaran dalam pengajaran Tilawah al-Quran terhadap MBK kurang upaya pendengaran.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini sebagaimana berikut:

- 1.5.1 Bagaimanakah guru merancang pengajaran Tilawah al-Quran bagi MBK kurang upaya pendengaran?
- 1.5.2 Bagaimanakah amalan guru sewaktu mengajar Tilawah al-Quran kepada MBK kurang upaya pendengaran?
- 1.5.3 Bagaimanakah guru menguruskan persekitaran pembelajaran semasa proses pengajaran Tilawah al-Quran bagi MBK kurang upaya pendengaran.

1.6 Limitasi dan Skop Kajian

Bagi mencapai objektif dan persoalan kajian, beberapa perkara yang melibatkan aspek pelaksanaan pengajaran, komponen kemahiran Tilawah al-Quran, pemilihan peserta kajian dan kawasan kajian telah dilimitasikan oleh penyelidik sebagaimana berikut.

Dari segi perancangan pengajaran penyelidik mengkaji apakah langkah-langkah dan idea-idea yang digunakan oleh peserta kajian untuk mengajar Tilawah al-Quran kepada murid. Dari segi amalan semasa pengajaran pula, penyelidik mengkaji kaedah, pendekatan dan teknik yang digunakan oleh guru untuk mengajar MBK kurang upaya pendengaran. Di samping itu juga, aspek penilaian dan pentaksiran amalan pengajaran seperti di peringkat persediaan, perkembangan dan penutup turut dikaji. Pengurusan guru dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran yang melibatkan komunikasi, susun atur murid dan motivasi murid turut menjadi fokus kajian ini. Bagi bidang Tilawah al-Quran, komponen yang dikaji adalah aspek pengajaran kemahiran membaca secara bertajwid, kefahaman ayat dan juga hafazan ayat. Komponen lain seperti penghayatan dan juga pengamalan murid terhadap kehendak ayat tidak dikaji.

Bahagian Pendidikan Khas di Kementerian Pendidikan Malaysia melaksanakan kurikulum Pendidikan Khas serta menumpukan aktiviti perancangan dan pembangunan, pengurusan perkhidmatan dan latihan dan khidmat bantuan pembelajaran murid berkeperluan khas melalui beberapa program. Program dan kategori muridnya adalah seperti berikut:

- i. Sekolah Pendidikan Khas (SPK) bagi bermasalah penglihatan dan pendengaran.
- ii. Sekolah yang menawarkan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) bagi murid bermasalah penglihatan, pendengaran dan pembelajaran (termasuk mild, down sindrom, autistik dan mobiliti tidak terhad).
- iii. Sekolah yang menawarkan Program Pendidikan Inklusif (PPI) bagi murid bermasalah penglihatan, pendengaran dan pembelajaran (termasuk down sindrom, autistik dan mobiliti tidak terhad) di mana kesemuanya dalam kategori ringan atau mild.
- iv. Program Pendidikan Pemulihan bagi murid kelas biasa di sekolah rendah yang telah disaring dan diagnosis sebagai mengalami masalah penguasaan Kemahiran Asas membaca, menulis dan mengira (3M).

Jadi kajian ini membataskan kepada dua (2) jenis buah sekolah sahaja iaitu Sekolah Pendidikan Khas (SPK) dan sekolah yang menawarkan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) bagi masalah pendengaran peringkat sekolah rendah di Selangor. Peserta kajian pula melibatkan guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam serta berpengalaman sekurangnya tiga (3) tahun dalam mengajar MBK kurang upaya pendengaran yang merangkumi komponen Tilawah al-Quran.

1.7 Definisi Konsep dan Operasional

Dalam kajian ini, definisi konsep dan operasional yang digunakan adalah seperti berikut.

1.7.1 Pelaksanaan Pengajaran

Patel, Margolies, Covell, Lipscomb, & Dixon (2018) mendefinisikan pengajaran sebagai interaksi yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pelajar dalam bentuk yang khusus dan telah ditentukan. Urutan dalam pengajaran

ini meliputi sekurang-kurangnya tujuh aspek, iaitu memotivasikan murid, menerangkan perkara yang akan dipelajari, membantu murid mengingat pengetahuan sebelumnya, menyediakan bahan pengajaran, menyediakan bimbingan dan maklum balas, menguji kefahaman serta menyediakan pengayaan dan pemulihan.

Dalam konteks kajian ini, pelaksanaan pengajaran merujuk kepada empat skop utama yang saling berkait dalam pengajaran seseorang guru iaitu perancangan pengajaran, amalan guru semasa pengajaran, pengurusan persekitaran pembelajaran dalam bilik darjah dan tanggungjawab professional guru.

1.7.2 Tilawah al-Quran

Pembelajaran bidang Tilawah al-Quran merangkumi aspek kemahiran membaca, memahami, menghafaz ayat al-Quran serta menghayati kandungan al-Quran supaya diamalkan dalam kehidupan harian. Antara objektif dan matlamat pendidikan Tilawah al-Quran adalah untuk melahirkan pelajar yang sentiasa membaca dan menghafaz al-Quran sama ada di rumah mahupun di luar sekolah, melahirkan pelajar yang terdidik dengan didikan al-Quran dan melahirkan pelajar yang sentiasa menghayati ajaran al-Quran dalam kehidupan mereka (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2005). Dalam konteks kajian ini, aspek pengajaran Tilawah al-Quran yang dikaji adalah pengajaran kemahiran bacaan, kefahaman ayat dan hafazan murid terhadap ayat al-Quran.

1.7.3 Murid Berkeperluan Khas (MBK) Kurang Upaya Pendengaran

Menurut Peraturan-Peraturan Pendidikan Khas (Pendidikan Khas) 2013, istilah umum yang digunakan untuk murid yang memerlukan pendidikan khas adalah Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK). Murid yang bermasalah pendengaran pula dikategorikan sebagai murid Kurang Upaya Pendengaran bagi menjelaskan ketidakupayaan pendengaran. Namun, istilah khusus yang digunapakai bagi merujuk murid yang memerlukan pendidikan khas bagi kategori kurang upaya pendengaran adalah Murid Berkeperluan Khas (MBK). Dalam konteks kajian ini, istilah yang digunapakai oleh penyelidik ialah MBK kurang upaya pendengaran yang belajar di Sekolah Pendidikan Khas (SPK) dan di bawah Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) yang mengalami masalah pendengaran teruk, sederhana dan ringan.

1.8 Rumusan

Pendidikan terhadap MBK kurang upaya pendengaran di Malaysia tidak boleh diabaikan kerana mereka juga berhak mendapat pendidikan sepertimana yang telah digariskan oleh pihak kerajaan. Aspek pendidikan rohani dan jasmani perlulah seimbang agar MBK kurang upaya pendengaran tidak keciciran berbanding murid normal terutamanya dalam pembelajaran al-Quran yang merupakan sumber agama, petunjuk dan panduan hidup. Justeru, pengajaran dan pembelajaran Tilawah al-Quran bagi MBK kurang upaya pendengaran tidak boleh dipandang ringan. Guru yang mengajar mereka berhadapan dengan pelbagai cabaran dan kesulitan berbanding dengan mereka yang mengajar murid normal. Walaupun mereka mengalami sedikit kelainan dan ketidakupayaan pendengaran, mereka tetap mempunyai potensi dan berpeluang untuk menguasai bidang Tilawah al-Quran sebagai asas bekalan dalam menjalani kehidupan individu Muslim. Amalan pengajaran yang berkesan mampu meningkatkan keupayaan MBK kurang upaya pendengaran mempelajari Tilawah al-Quran bersesuaian dengan tahap keupayaan mereka yang pelbagai. Pelaksanaan pengajaran Tilawah al-Quran terhadap golongan ini perlu dikaji dan ditambahbaik dari segenap aspek termasuklah kemahiran guru dalam perancangan, pelaksanaan pengajaran, interaksi serta keperluan bahan bantu mengajar agar kelebihan mempelajari al-Quran turut mereka nikmati.

RUJUKAN

- Ab. Aziz Mohd Zin et al. (2009). *Dakwah Islam Terhadap Orang Kurang Upaya*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdullah Sahin. (2018). Critical Issues in Islamic Education Studies: Rethinking Islamic and Western Liberal Secular Values of Education. *Religions* 2018, 9, 1-29.
- Abdullah Yusof. (1994). Nostalgia di Okinawa: Bahasa dan orang cacat. *Pelita Bahasa*, 6 (7): 8-10.
- Abdullah, I. (1995). *Pendidikan Islam dan pengaruhnya di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Abdullah Yusoff. (1996). Pemaparan Idea Dalam Karangan: Kajian Kes Terhadap Karangan Pelajar Pekak (An Expression of Idea in A Composition: A Case Study on a Deaf Student). *Jurnal Dewan Bahasa*, 40: 4, 321-336.
- Abdul Fattah, A. G. (2001). *Nabi Muhammad: Guru dan pendidik terulung*. Terjemahan Shuhadak Mahmud. Negeri Sembilan: M. Khari Enterprise & al-Azhar Media Ent. Negeri Sembilan, Malaysia.
- Ab. Halim T., Adnan, Y., Kamisah, O., Khadijah, A. R., Shahrin, A., & Zamri, A. R. (2004). Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ke atas pembangunan diri pelajar. *Laporan Penyelidikan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia*.
- Ab. Halim Tamuri. (2006). Modul pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran: pendekatan masa kini. *Konvensyen Pensyarah Tahfiz Peringkat Kebangsaan*.
- Ab. Halim, T., Mohd Izham, H., Khadijah, A. R., & Mohd Aderi, C. N. (2010). Kajian tahap profesionalisme guru-guru pendidikan Islam di sekolah-sekolah menengah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia. *Laporan Penyelidikan Fakulti Pendidikan, UKM dan Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian pelajaran Malaysia*.
- Ab. Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail & Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Komponen asas untuk latihan guru Pendidikan Islam, *Global Journal Al-Thaqafah*, 2(2) 53-63.
- Ab. Halim Tamuri, Ahmad Munawar Ismail, Amal Hayati, Mohd Izzudin. (2013). Penilaian Guru Terhadap Pelaksanaan Model-Model Tilawah al-Qur'an Program J-Qaf. *International Journal of Islamic Thought. Volume 3 (June) 2013*.

- Abdul Ghafar Md Din. (2003). *Prinsip dan Amalan Pengajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributers Sdn Bhd.
- Abdul Halim el-Muhammady. (1984). Pendidikan Islam skop dan matlamatnya. *Jurnal Pendidikan Islam* (1):10-23.
- Abdul Halim el-Muhammady. (1991). *Pendidikan Islam, Falsafah, Disiplin dan Peranan Pendidik*. Petaling Jaya: Dewan Pustaka Salam.
- Abdul Raof Dalip. (1998). Teknik pengajaran dan pembelajaran agama Islam di sekolah menengah. Dlm. *Pendidikan di Malaysia*. Bangi: Universiti kebangsaan Malaysia.
- Abd. Rahim Abd. Rashid. (1997). *Strategi Pengajaran Sejarah KBSM*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Abdul Rahman Umdirah. (1995). Membentuk Insan Kamil-Motivasi Pendidikan Islam (*Terj.*). Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Abdul Rahman b Ahmad. (2006). Pembangunan Modal Insan: Apa dan Kenapa dalam Konteks Organisasi di Malaysia. Alor Star: *Human Resources Academy*. Hlm: 12- 13.
- Abdull Sukor Shaari. (2008). *Guru Berkesan Petua dan Panduan*, Sintok. Penerbit UUM.
- Abdullah Yusoff. (1995). Mengajarkan Bahasa Kepada Pelajar-pelajar Pekak. *Jurnal Dewan Bahasa*, 39(6): 543-553.
- Abdullah Yusoff. (2001). Kecacatan Komunikasi Berkaitan dengan Pendidikan, Bahasa dan Kebahasaan Orang Pekak. *Jurnal Dewan Bahasa*, 1(9): 29-36.
- Abdullah Yusoff. (2002). Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Pekak. *Dewan Bahasa*. Hlm. 36-41, Jun 2002b.
